

Kempen



Untuk Palestin

Kempen 5 untuk Palestin dibawakan khas di Eropah oleh Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) Eropah

1. Tingkatkan kesedaran tentang pembebasan Al-Quds yang diberkahi. Jom tingkatkan tarbiyyah!
2. Hurlurkan bantuan. sekurang-kurangnya seorang dermalah 5 euro/pound sebulan kerana kita mahu membeli syurga!
3. Boikot barangan dan syarikat Israel. Sebarkan artikel dan kebaikan boikot.
4. Sebarkan maklumat kepada rakan. Kita mahu semua umat Islam Malaysia di Eropah bercakap tentang Palestin dan cakna selama sebulan. Semua organisasi Islam di Eropah di jemput untuk menyemai dan menyemarakkan isu ini di kalangan ahli persatuan Malaysia. Ini adalah isu ummah!
5. Tingkatkan berdoa. Jalankan Qiyamulail dan sebarkan doa Qunut Nazilah di kalangan kawan-kawan!

Untuk menyumbang secara online (Jerman):
Wan Mohd Fazrul Adlan bin Wan Mohammad
BANK NAME: HypoVereinsbank
SORT CODE : 70020270
ACCOUNT NO.:653554923
email: wan.m.fazrul@googlemail.com
ref: Kempen5

Tabung Kempen 5 untuk Palestin ini akan disalurkan kepada Aman Palestin. Semoga Allah memberkati sumbangan dan usaha kita.

Aturcara

Majlis

8:30 - 9:00	Pengenalan
9:00 - 9:15	Tayangan
9:15 - 10:45	Slot I Palestin dari perspektif Sejarah, al-Quran & Hadith
10:45 - 1:15	Minum Pagi
11:15 - 12:45	Slot II Rahsia al Aqsa
12:45 - 14:00	Makan Tengah Hari & Solat Zohor
14:00 - 14:30	Tayangan
14:30 - 15:30	Slot III Intifadhah Palestin - Merintis Generasi Solahuddin
15:30 - 15:50	Minum Petang
15:50 - 17:00	Slot IV Rumusan dan Penutup
17:00	Bersurai



Speaker Jemputan
PROF. MADYA DR. ZAINUR
RASHID ZAINUDDIN

Perunding Aman Palestin
AJK Sekretariat ISMA
Naib Presiden I-Medik
Dep. Dean, Faculty of Medicine International
Medical University



Roadshow Palestine Searching for Salahuddin Edisi Jerman 2011

Dibawakan oleh:



Masa :
23 April · 08:30 - 17:00

Tempat :
Islamisches Zentrum München
Wallnerstr. 1-5
München, Germany

Ikatan Muslimin Malaysia yang dahulunya dikenali dengan nama Ikatan Siswazah Muslim Malaysia merupakan satu badan NGO yang bergerak aktif berperanan di tengah-tengah masyarakat untuk mengurangkan gejala-gejala sosial di kalangan remaja mahupun golongan dewasa.

Program-program yang dilaksanakan menjurus kepada penghayatan kehidupan beragama dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian.

VISI

Membangunkan kekuatan tamadun Islam di Malaysia berasaskan keadilan bersama

MISI

Membina kekuatan keperibadian yang berpaksikan Islam serta penguasaan budaya ilmu, kehidupan sihat, perancangan dan teknologi

“Membina Generasi Harapan”

Maklumat lanjut, lawati:

<http://ismaweb.net/>

Atau hubungi:

wan.m.fazrul@gmail.com

Penderitaan dan kesengsaraan berpanjangan yang ditanggung rakyat Palestin menjadi satu keinsafan bagi umat Islam menghulurkan bantuan.

Justeru itu, Aman Palestin Bhd sebagai Inisiatif Keamanan Palestin bergerak atas tiga landasan iaitu:

Kemanusiaan, Persaudaraan dan Kesucian Baitul Maqdis

Aman Palestin yang mula beroperasi pada akhir 2004 sentiasa berusaha memastikan setiap ringgit yang didermakan oleh rakyat Malaysia tidak sahaja sampai malah kesemua bantuan tersebut dapat dimanfaatkan sebaik mungkin di Palestin secara berterusan sehingga selesai.

Semenjak ditubuhkan, Aman Palestin telah berjaya menyalurkan bantuan dalam bentuk projek-projek kepada rakyat Palestin di Palestin, Lubnan dan Syaria hasil kutipan dan sumbangan daripada orang ramai.

Diharapkan agar keprihatinan dan bantuan yang berterusan oleh rakyat Malaysia dapat memberikan sinar harapan sekaligus meringankan penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Palestin.

Isu Palestin merupakan satu isu yang tidak asing lagi bagi kita. Penjajahan ke atas negara Palestin, kekejaman Zionis serta pencabulan hak-hak asasi penduduk di bumi Palestin telah menarik perhatian masyarakat dunia.

Sehingga kini, ribuan nyawa yang tidak berdosa telah menjadi korban, kehilangan tempat tinggal dan ditindas dengan kekejaman yang nyata. Isu ini bukan sahaja dilihat sebagai isu kemanusiaan, malah ia adalah isu aqidah serta maruah umat Islam secara keseluruhannya.

Merasa terpenggil dengan isu ini, kami mewakili Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) cawangan Jerman dan Aman Palestin Berhad membawakan ‘Roadshow Palestin Edisi Jerman 2011’ kepada seluruh masyarakat Malaysia Muslim di Jerman dengan tujuan membangkitkan kesedaran, meningkatkan pengetahuan tentang isu Palestin dan dalam masa yang sama berusaha untuk meraih keperihatinan serta sumbangan untuk membantu umat Islam di Palestin.

“Wahai orang-orang yang beriman!, Mahukah kamu aku tunjukkan suatu perdagangan yang dapat menyelamatkan kau dari azab yang pedih?. (Iaitu) kamu beriman kepada Allah dan Rasulnya dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwamu. Itulah yang lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui.”

(As-Saff 10-11)